

Pelancaran FR0G VLE di SK Pekan Satu Merupakan Titik Permulaan Kepada Pembelajaran Abad ke21



Labuan – Pada 9 Mac 2018 Sekolah Kebangsaan Pekan Satu telah melancarkan Majlis Pelancaran FR0G VLE yang diadakan di Dewan Cun SKPS. Majlis yang dirasmikan oleh Guru Besar SKPS Puan Anita Shyamini A/P S.Azman ini bertujuan untuk membugarkan dan memupuk pembudayaan FR0G VLE sebagai platform PdPc dan aktiviti yang interaktif. Dengan tema ‘Learning Beyond Boundaries’ seharusnya PdPc menggunakan FR0G VLE telah merentas kurikulum, bercirikan PdP abad ke-21 dan bersesuaian dengan aspirasi KPM untuk melahirkan warga guru dan murid yang mampan dan berkualiti tinggi.

Majlis pelancaran ini telah dipengacaraikan oleh Cikgu Mohd Izuan Anuar sebagai penyelaras Unit ICT . Aturcara majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Guru Besar Puan Anita Shyamini. Dalam ucapan beliau ada mengalakkan murid agar menggunakan Frog VLE dan sentiasa berdampingan dengannya kerana di dalam Frog VLE terdapat kuiz dan maklumat ilmu yang boleh dimanfaatkan seperti kuiz daripada FrogPlay, melawati laman Pengajaran dan Pembelajaran yang disediakan guru, ruangan hiburan dan lain-lain lagi.



Seiring dengan abad ke 21 ini, para guru digalakkan agar dapat memanfaatkan Frog VLE sebaik mungkin. Frog VLE merupakan platform yang termudah dan terhampir untuk guru yang cuba untuk melakukan perubahan daripada guru tradisional kepada guru abad ke 21. Semuanya terletak di atas kehendak dan keinginan guru itu sendiri.

Majlis pelancaran telah mendapat sambutan yang baik

dari pada murid-murid SKPS terutamanya ketika pelancaran gimik yang kreatif dari pada guru-guru PPKI .

Dalam ucapan Guru Besar Pn Anita , beliau menyatakan ,

' Para guru dan pelajar boleh mengakses berita sekolah dan dokumen penting yang telah dikemaskinikan oleh pentadbir sekolah. Menerusi Frog VLE dan sambungan internet 4G, pendidikan boleh dilaksanakan di mana jua, pada bila-bila masa melalui Frog VLE yang berdasarkan cloud. Dengan ini, pembelajaran boleh dilaksanakan di mana-mana: di sekolah ataupun di rumah, 24 jam sehari, 7 hari seminggu.'

Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) berharap bahawa dengan adanya Frog VLE, ia dapat mengalakkan innovasi dan kreativiti guru-guru dan murid-murid . Selain itu , dapat mengalakkan ibubapa mengakses kemudahan yang disediakan dalam Frog VLE .



Sumber berita : Erlia Febiana